

**PENGUASAAN *JUMLAT ISMIYYAT* DAN *JUMLAT FI'LIYYAT*  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH  
MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA**

**MOHD ASFARIZAN BIN PUNGUT**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

PENGUASAAN *JUMLAT ISMIYYAT* DAN *JUMLAT FI'LIYYAT*  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH  
MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA

MOHD ASFARIZAN BIN PUNGUT

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2017

## **DEDIKASI**

*Keluargaku,*

*Abah, Mak, Isteriku Norfaizah dan anak-anakku Nurul Husna, Muhammad AlFateh,  
Muhammad Arrazi dan Nurul Hannan*

*Jutaan terima kasih atas dorongan dan pengorbanan yang dihulurkan.*

*Penyelia tesisku yang dedikasi,*

*Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamad yang sabar dan ikhlas membantuku.*

*Rangkaian shabat-sahabatku.*

*Inilah kejayaan kita bersama...*

## PENGHARGAAN

حَمْدًا لِلَّهِ ، صَلَاةً وَسَلَامًا عَلَي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ مُصْطَفَاهُ  
وَمَنْ وَالَاهُ فِي مَبْدَأِ الْأَمْرِ وَمُنْتَهَاهُ .... وَبَعْدُ

Alhamdulillah.. segala pujian bagi Allah s.w.t Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Yang telah menurunkan al-Qur'an dalam bahasa Arab supaya manusia memikirkannya. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w utusan akhir zaman. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan buat Pencipta langit, bumi dan segala isinya kerana dengan hidayah dan inayah-Nya, akhirnya dapatlah kajian ini disiapkan bagi memenuhi syarat untuk mendapat Ijazah Sarjana.

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih penulis rakamkan khas buat insan yang tulus ikhlas dalam penyeliaannya, Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamad, tidak lupa juga terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan SMKA Bandar Penawar, SMKA Maahad Muar, SMKA Johor Bahru dan SMKA Segamat serta warganya di atas kerjasama yang diberikan.

Penghargaan juga ditujukan kepada ayahanda dan bonda yang tersayang Haji Pungut bin Haji Kassan dan Hajah Marpo'ah binti Kamsani dan buat isteri tercinta Norfaizah binti Isnin yang sentiasa memberi bantuan dan sokongan moral, anak-anak yang dikasihi Nurul Husna, Muhammad AlFateh, Muhammad Arrazi dan Nurul Hannan yang sentiasa menghibur dan menceria kehidupanku semoga kalian semua sentiasa berada di bawah naungan dan rahmat Ilahi.

**Mohd Asfarizan bin Pungut**

No. 9, Jalan Dato Jaafar,

Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor.

## ABSTRAK

Kajian ini berkaitan dengan tahap penguasaan *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Kajian bertujuan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*, mengenalpasti strategi pembelajaran pelajar dan kaedah pengajaran guru yang dapat mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* ini. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan 200 sampel yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat di empat buah SMKA di negeri Johor. Satu set ujian pencapaian *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* telah ditadbir untuk mendapatkan data sebenar tahap penguasaan mereka. Kajian ini juga menggunakan instrumen soal selidik dan sesi temu bual bersama dua orang guru cemerlang bahasa Arab. Maklumat yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS 22.0*, *microsoft excel* dan secara manual. Keputusan ujian mendapati, tahap penguasaan pelajar SMKA berada pada tahap baik. Antara faktor yang mempengaruhi pelajar pada tahap ini adalah faktor motivasi yang tinggi, tahap pengetahuan yang baik serta faktor persekitaran sekolah dan rakan sebaya yang membantu mereka menguasai *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*. Hasil kajian juga mendapati bahawa strategi pembelajaran pelajar dan kaedah pengajaran guru mempengaruhi tahap penguasaan *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan pelajar SMKA. Meskipun demikian, sebahagian pelajar didapati masih belum menguasai sepenuhnya pada penggunaan pelbagai jenis *khobar*, penukaran ayat dari *Jumlat Ismiyyat* kepada *Jumlat Fi'liyyat* atau sebaliknya. Pada akhir kajian ini, dicadangkan satu garis panduan pengajaran *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* yang lebih berkesan.

## ABSTRACT

This study investigates the level of mastery of *Jumlat Islamiyyat* and *Jumlat Fi'liyyat* among students of Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). It aims to identify factors that affects students' mastery of *Jumlat Islamiyyat* and *Jumlat Fi'liyyat*, their learning strategies and teaching methods that have an effect on their mastery of the above-mentioned subjects. The study uses a quantitative method using a sample of 200 students from four SMKAs in Johore to obtain data for analysis. A set of achievement tests of *Jumlat Islamiyyat* and *Jumlat Fi'liyyat* were administered to investigate the performance level of the students. Data were also collected through a set of questionnaire and interviews with two teachers of the Arabic language. Data obtained was analysed using SPSS 22.0. Results showed that the students level of mastery is good. High motivation, a good level of knowledge, overall environment of the school and help from peers were identified as contributing factors that affect the students' mastery level. Learning strategies and teaching methods were also contributing factors. Finally, the study proposes a more effective a set of guidelines for the teaching of *Jumlat Islamiyyat* and *Jumlat Fi'liyyat*.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN PENULIS</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
	<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xvii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xix
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	2
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Objektif Kajian	7
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Kepentingan Kajian	8
	1.6 Batasan dan Skop Kajian	9
	1.7 Kerangka Kajian	10
	1.7.1 Kerangka Teoritikal Kajian	10
	1.7.2 Kerangka Konseptual Kajian	15

1.8	Definisi Istilah	16
1.8.1	Penguasaan	17
1.8.2	<i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	17
1.8.3	Pelajar	18
1.8.4	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	19
1.9	Kesimpulan	19
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>21</b>
2.0	Pengenalan	21
2.1	Pengenalan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	21
2.2	<i>Jumlat</i> (Ayat) Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab KBSM	23
2.3	Pengertian <i>Jumlat</i> (Ayat)	27
2.4	Pembahagian <i>Jumlat</i> (Ayat).	30
2.5	<i>Jumlat</i> (Ayat) Dalam Buku Tatabahasa	31
2.5.1	<i>Jumlat Ismiyyat</i> (ayat frasa kata nama)	35
2.5.2	<i>Jumlat Fi'liyyat</i> (ayat frasa kata kerja)	47
2.6	Faktor - Faktor Penguasaan Bahasa	56
2.7	Strategi Pembelajaran Bahasa	63
2.8	Model-Model Pengajaran Bahasa	68
2.9	Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran berkaitan <i>Jumlat</i>	71
2.10	Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	80
2.11	Kajian berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	88
2.11	Kesimpulan	96



<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>97</b>
3.0	Pengenalan	97
3.1	Reka Bentuk Kajian	97
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	99
3.3	Lokasi Kajian	101
3.4	Sampel Kajian	102
3.5	Instrumen Kajian	105
	3.5.1 Soal Selidik	105
	3.5.2 Ujian Bertulis	110
	3.5.3 Temu bual	113
3.6	Penganalisan Data	114
	3.6.1 Kaedah Kuantitatif	115
3.7	Jangka Masa Kajian	117
3.8	Tatacara Kajian	118
3.9	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	119
3.10	Kajian Rintis	124
3.11	Kesimpulan	125
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>126</b>
4.0	Pengenalan	126
4.1	Analisis Soal Selidik Responden	128
	4.1.1 Analisis Demografi Responden	129
	4.1.2 Analisis Dapatan Kajian	132
4.2	Analisis Set Ujian Pencapaian	
	Jumlah Ismiyyat dan Jumlah Fi'liyyat	153
4.2.1	Analisis Pencapaian Keseluruhan	
	Ujian	154
4.2.2	Pencapaian Responden Berdasarkan	
	Soalan Ujian	157
4.2.3	Analisis Kesilapan Responden	
	Dalam Ujian Pencapaian	163

4.3	Huraian Temubual	169
4.3.1	Maklumat Profil Guru Cemerlang Bahasa Arab	170
4.3.2	Maklumat Pengajaran dan Pembelajaran <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	171
4.4	Kesimpulan	180
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>181</b>
5.0	Pengenalan	181
5.1	Rumusan Kajian	182
5.2	Perbincangan Kajian	184
5.2.1	Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	184
5.2.2	Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i> Dalam Kalangan Pelajar	187
5.2.3	Strategi Pembelajaran Yang Mempengaruhi Penguasaan <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i> Dalam Kalangan Pelajar	189
5.2.4	Pelaksanaan Pengajaran <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i> Dalam Kalangan Guru di SMKA	191
5.3	Cadangan Kajian	193
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	198
5.5	Kesimpulan	198
	<b>RUJUKAN</b>	<b>200</b>
	Lampiran A-F	214 -240

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	SMKA Di Negeri Johor	22
3.1	Skala Lima Mata Likert	109
3.2	Ringkasan Bentuk Soalan Dalam Ujian Pencapaian <i>Jumlah Ismiyyat dan Jumlah Fi'liyyat</i>	112
3.3	Pengkelasan Markat Skor Min	117
3.4	Jangkamasa Kajian	118
3.5	Jadual Alpha Cronbach Terlaras Bagi Instrumen Soal Selidik	121
3.6	Nilai F, D dan K-R <sub>20</sub> bagi konstruk Ujian Pencapaian <i>Jumlah Ismiyyat dan Jumlah Fi'liyyat</i>	122
4.1	Analisis Taburan Kekерapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	129
4.2	Analisis Taburan Kekерapan dan Peratusan Responden Mengikut Minat Mempelajari Bahasa Arab	130
4.3	Analisis Taburan Kekерapan Dan Peratusan Responden Mengikut Mula Mempelajari Bahasa Arab	130
4.4	Analisis Taburan Kekерapan Dan Peratusan Responden Mengikut Masa Mengulangkaji Bahasa Arab Seminggu	131
4.5	Analisis Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Keputusan Peperiksaan Bahasa Arab PT3	132

4.6	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Faktor Motivasi	134
4.7	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Faktor Pengetahuan Pelajar Tentang <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	135
4.8	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Faktor Ibu Bapa dan Keluarga	138
4.9	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Faktor Persekitaran Sekolah	139
4.10	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Faktor Rakan Sebaya	141
4.11	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Strategi Memori	142
4.12	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Strategi Kognitif	145
4.13	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Kaedah Sebelum Pengajaran <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	149
4.14	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Kaedah Semasa Pengajaran <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	150
4.15	Taburan Kekerapan Peratusan Dan Min Bagi Kaedah Selepas Pengajaran <i>Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	153
4.16	Skala Pencapaian <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	155
4.17	Bilangan Kekerapan Responden Mengikut Jumlah Markah Bagi Soalan ا	164
4.18	Bilangan Kekerapan Kesilapan Responden Bagi Soalan ب	165
4.19	Bilangan Kekerapan Kesilapan Responden Bagi Soalan ج	166
4.20	Bilangan Kekerapan Kesilapan Responden Bagi Soalan د	167

4.21	Bilangan Kekерapan Kesilapan Responden Bagi Soalan →	168
4.22	Ringkasan Maklumat Profil Guru Cemerlang Bahasa Arab	171
4.23	Keperluan Pengajaran	174
5.1	Pencapaian Penguasaan Pelajar Dalam Kesemua Soalan	185

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford	11
1.2	Model Pengajaran Le Francois	12
1.3	Model Pengajaran Sim	13
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	16
2.1	Rajah Pohon <i>Jumlat Ismiyyat</i>	36
2.2	Rajah Pohon <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	48
2.3	Rajah Pohon Transformasi <i>Jumlat Fi'liyyat</i> kepada <i>Jumlat Ismiyyat</i>	49
2.4	Rajah Pohon Posisi <i>Maf'ul Mutlaq</i> dalam <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	56
2.5	Sistem Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford	64
2.5	Model Pengajaran Sim	69
2.7	Model Pengajaran Le Francois	70
3.1	Tatacara Kajian	119
4.1	Proses Penganalisisan Data	126
4.2	Analisis Pencapaian Keseluruhan Responden	156
4.3	Pencapaian Responden Bagi Soalan أ	157
4.4	Pencapaian Responden Bagi Soalan ب	159
4.5	Pencapaian Responden Bagi Soalan ج	160
4.6	Pencapaian Responden Bagi Soalan د	161
4.7	Pencapaian Responden Bagi Soalan هـ	162
5.1	Cadangan Kaedah Nyanyian Dalam Pembelajaran Membezakan Jenis-Jenis Khabar	195

**SENARAI SINGKATAN**

BAK	-	Bahasa Arab Komunikasi
BAT	-	Bahasa Arab Tinggi
BPI	-	Bahagian Pendidikan Islam
BPK	-	Bahagian Perkembangan Kurikulum
FTI	-	Fakulti Tamadun Islam
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PT3	-	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SMKA	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPB	-	Strategi Pembelajaran Bahasa
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package For Social Sciences</i>
STAM	-	Sijil Tinggi Agama Malaysia
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
USIM	-	Universiti Sains Islam Malaysia
UNISZA	-	Universiti Sultan Zainal Abidin

## JADUAL TRANSLITERASI

Panduan ini berdasarkan jadual transliterasi huruf konsonen dan vocal Arab ke huruf rumi Buku Panduan Tesis Fakulti Tamadun Islam UTM (2012).

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا, ء	'A
ب	B
ت	T
ث	TH
ج	J
ح	H
خ	KH
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	Ş
ض	Ḍ
ط	Ṭ
ظ	Ẓ
ع	'
غ	GH
ف	F



ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
و	W
ه	H
ء	,
ي	Y

Panjang		Pendek		Diftong	
Arab	Rumi	Arab	Rumi	Arab	Rumi
ا	ā	أ	a	او	aw
او	ū	إِ	i	اي	ay
إي	ī	أ	u		

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik Pelajar	214
B	Soalan Ujian Pencapaian <i>Jumlat Ismiyyat</i> dan <i>Jumlat Fi'liyyat</i>	221
C	Soalan Temubual Guru Cemerlang	227
D	Surat Rasmi Yang Berkaitan	230
E	Transkrip Temu Bual Guru Cemerlang Bahasa Arab 1	234
F	Transkrip Temu Bual Guru Cemerlang Bahasa Arab 2	237

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Ayat atau *jumlat* dalam bahasa Arabnya adalah bahasa yang tersusun yang terbentuk dari perkataan-perkataan yang ditulis. Ayat-ayat yang betul struktur binaannya, terdiri dari susunan leksikel yang tepat akan dapat melahirkan sesuatu idea yang difikirkan oleh penulis dan dapat difahami oleh pembaca. Sementara gabungan beberapa ayat yang mempunyai ciri-ciri tersebut dengan susunan yang teratur di dalam sesuatu perenggan dan diikat dengan pengikat-pengikat bahasa atau tanda-tanda bacaan akan menjadikan sesuatu idea atau fikiran dapat dibentangkan dengan jelas dan menarik menurut Kamarudin dan Siti Hajar (1997).

Dari sini, jelas kelihatan kepentingan ayat dalam melahirkan sesuatu idea secara bertulis. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada kemahiran menulis ayat bahasa Arab. Ini adalah kerana ayat merupakan asas penting dan juga pengukur kepada penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab yang dipelajari (Rosni : 2009). Secara lebih terperinci lagi, pengkaji akan menumpukan kajian kepada aspek pembelajaran pelajar terhadap ayat yang melibatkan penggunaan struktur ayat dan susunannya. Sementara aspek tatabahasa terdiri dari aspek *i'rab* atau tanda-tanda baris yang berpunca dari kedudukannya dalam ayat, aspek morfologi dan aspek retorik tidak menjadi keutamaan dan hanya disentuh berdasarkan keperluan. Ini

adalah selaras dengan keperluan Sukatan Pelajaran dan buku teks Bahasa Arab yang tidak menekankan aspek-aspek tersebut secara terperinci.

Kemampuan pelajar membina ayat dapat mencerminkan penguasaan kemahiran berbahasa (Asmah : 1984). Hasil daripada kemampuan membina ayat, pelajar dapat menguasai kemahiran berbahasa seperti bertutur, mendengar, membaca dan menulis (Al-Khawliyy : 1984). Dalam proses pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah, pelajar didedahkan dengan kaedah dan gaya penulisan yang baik. Begitu juga mereka dilatih menulis dengan baik.

Menurut Rosni (2012) perkara yang membuatkan pelajar sukar menulis ayat bahasa Arab ialah struktur ayatnya yang mempunyai kesetaraan dan kesamaan antara *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*. Pelajar menjadi keliru dalam membezakan pembinaan ayat tersebut. Berdasarkan kepada bentuk soalan peperiksaan SPM, terdapat tiga tahap utama dalam pengajaran membina ayat yang diajar pada peringkat sekolah. Pertama membina ayat melalui penyusunan semula perkataan yang diberi. Ayat tersebut terdiri daripada frasa nama dan frasa kerja. Kedua menukar ayat *Jumlat Ismiyyat* kepada *Jumlat Fi'liyyat* atau sebaliknya. Ketiga membina ayat melalui penulisan karangan bermula dengan lima puluh patah perkataan sehinggalah seratus lima puluh patah perkataan. Kajian ini bertujuan melihat penguasaan pelajar menengah atas di SMKA (Sekolah Menengah Kebangsaan Agama) yang mengambil subjek Bahasa Arab dalam membina ayat melalui tiga tahap di atas.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Matlamat utama pendidikan bahasa Arab di peringkat sekolah menengah adalah untuk membantu pelajar memahami al-Quran, Hadis dan buku-buku ilmiah berasaskan bahasa Arab seterusnya mampu menghayati keindahan struktur ayat bahasa Arab dan gaya bahasanya di pelbagai peringkat (JAPIM, KPM, 2006).

Pendidikan bahasa Arab juga menjuruskan pelajar ke arah memahami kemahiran bahasa termasuklah mendengar, bertutur, membaca dan menulis di

samping menghasilkan pelajar yang kaya dengan perbendaharaan kata bahasa Arab dan nahunya serta menyakinkan mereka untuk mempraktikkannya.

Persoalan yang timbul sekarang ialah pelajar yang telah melalui proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab pada tahap menengah rendah masih gagal menguasai sepenuhnya kemahiran berbahasa tersebut.

Mata pelajaran bahasa Arab diajar kepada pelajar mulai daripada tingkatan satu hingga tingkatan lima. Kertas bahasa Arab juga terdapat dalam peperiksaan SPM. Soalnya merangkumi pelbagai kemahiran iaitu termasuk mengarang dan meringkaskan karangan, kefahaman, perbendaharaan kata dan kemahiran kaedah nahu.

Kelemahan penguasaan bahasa arab disebabkan oleh kelemahan menguasai kosa kata bahasa arab dengan baik. Kajian pelajar tahun akhir Fakulti Syariah dan undang-undang USIM, tahap penguasaan kosa kata bahasa arab dalam keadaan lemah (Hanani : 2011). Isu kelemahan menguasai bahasa Arab dalam kalangan pelajar sentiasa diperdebatkan , dimana terdapat pelajar-pelajar lepasan sekolah agama yang kurang menguasai bahasa arab (Kamarul Syukri : 2009). Kajian (Kamarulzaman : 2011) Purata skor dalam mengukur tahap kebolehbacaan buku teks BAT adalah 49%, iaitu berada pada tahap kecewa yang melibatkan 96.47% daripada responden pelajar tingkatan empat di SMKA di Malaysia.

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang penting dalam mempelajari bahasa asing. Melalui menulis pelajar akan dapat menambah kemahirannya yang lain dan dapat meningkatkan penguasaan bahasa (Rosni : 2009). Akan tetapi masalah penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu hari ini menjadi topik utama perbincangan ahli cendekiawan akademik dalam memantapkan sistem pendidikan Negara. Kajian (Khazri dan Ku Siti Esah: 2012) berkaitan analisis kesalahan penulisan dalam pelajar prasiswazah Fakulti Pengajian Islam (FPI) yang mendaftar kursus PPPY 1132 *Maharat al-Kitabat*. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tersebut melakukan kesalahan-kesalahan yang dikategorikan sebagai *imla'*, kesalahan ilmu sintaksis Arab dan kesalahan pembinaan

*jumlat*. Bagi menangani masalah ini, strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa seharusnya dipertingkatkan. Bimbingan yang berterusan daripada pengajar, pembelajaran bahasa melalui multimedia serta penganjuran aktiviti bahasa seperti kuiz, lakonan dan aktiviti luar kelas (kokurikulum) penting dalam menggalakkan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar prasiswazah FPI.

Menurut Rosni (2009) kebanyakan para pelajar menghadapi kesukaran untuk membentuk ayat bahasa Arab iaitu *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* menggunakan uslub sendiri samada dalam mengarang dan meringkas karangan, menjawab soalan kefahaman, menterjemah teks bahasa Melayu kepada bahasa Arab dan membaiki kesilapan ayat.

Kajian ini cuba memberi tumpuan kepada bidang sintaksis ilmu iaitu ilmu yang membincangkan mengenai pembentukan ayat. Memandangkan bahasa Arab telah mempunyai kaedah nahu yang lengkap yang dipelopori oleh ahli bahasa tradisional, pengkaji lebih cenderung menjejaki langkah mereka di samping membuat penyesuaian mengikut ahli aliran linguistik moden.

Pengkaji memilih *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* untuk dibuat kajian kerana ianya merupakan teras utama dalam pembentukan ayat bahasa Arab. Selain itu pengkaji berusaha membuat pengumpulan data berbentuk soal selidik para pelajar.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pembinaan ayat merupakan tahap bahasa yang paling tinggi. Ia adalah lambang kepada ungkapan idea dan fakta yang difikirkan dan dipersembahkan oleh seseorang dalam bentuk pertuturan ataupun penulisan (Asmah: 1984). Kelemahan membentuk ayat secara bertutur atau bertulis dengan baik akan menjadikan sesuatu idea itu kabur dan sukar difahami, seterusnya menggagalkan komunikasi atau penyampaian mesej kepada pihak pendengar dan pembaca. Sebaliknya ungkapan idea atau fakta yang ditulis dengan ayat yang jelas, menepati sesuatu maksud, olahan

bahasa yang menarik dan menepati tatabahasa mampu memberi kesan yang mendalam kepada orang yang berinteraksi dengannya.

Kelemahan pelajar menulis ayat bahasa Arab untuk menggambarkan idea dan fakta dengan baik memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik mereka. Kelemahan ini menyebabkan mereka mendapat markah yang rendah atau mungkin gagal dalam mata pelajaran Bahasa Arab berbanding dengan mata pelajaran lain. Ini akan menjejaskan minat dan kesungguhan mereka untuk terus mengikuti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ke tahap yang lebih tinggi.

Kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar semakin hari semakin ketara dan meningkat menurut Mat Taib (2006) dan Che Radiah (2009) terutama kemahiran menulis ayat bahasa Arab. Perkara yang membuatkan pelajar sukar menulis ayat bahasa Arab ialah struktur ayatnya yang mempunyai kesetaraan antara *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* (Rosni, 2012). Masalah-masalah lain seperti ejaan yang tidak tepat, hubungan antara subjek dan prediket, penggunaan kata kerja yang salah dan hilangnya hubungan antara kata dalam satu ayat adalah antara rungutan para guru bahasa Arab dan para pensyarah yang memeriksa kertas jawapan untuk soalan-soalan yang melibatkan kemahiran menulis ayat bahasa Arab. Para guru dan pensyarah terpaksa berulang kali memeriksa dan meneliti kertas jawapan yang ditulis oleh pelajar dan ada yang terpaksa membuat kesimpulan sendiri untuk urusan pemarkahan.

Dapatan kajian Zainol (2003), Che Radiah (2006) dan Abdul Rahman (2009) mendapati fenomena ini berpunca kurangnya penekanan aspek tatabahasa semasa pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah rendah. Mereka lebih didedahkan dengan kemahiran komunikasi sehinggakan mereka mengabaikan kemahiran tatabahasa. Kajian tersebut juga mendapati guru-guru pula terikat dengan kurikulum bahasa Arab yang menekan kemahiran bertutur lebih daripada kemahiran-kemahiran yang lain iaitu kemahiran mendengar, membaca dan menulis.

Semenjak Bahasa Arab Komunikasi diperkenalkan di SMKA didapati tahap kecekapan pelajar dalam aspek nahuan amat lemah. Kebanyakan pelajar yang

memasuki tingkatan 4, mereka menghadapi masalah untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab Tinggi di tingkatan 4 dan 5. Ini adalah kerana mereka kurang didedahkan dengan kemahiran tatabahasa Arab. Mereka tidak dapat membina ayat mengikut pola-pola ayat yang betul. Walaupun mereka mendapat gred A dan cemerlang di peringkat PMR, tetapi mereka masih lagi tidak dapat membina ayat yang gramatis menurut Abdul Rahman (2009).

Selain itu, kelemahan lain pelajar dalam penulisan asas ayat bahasa Arab adalah melibatkan ejaan, pemilihan partikel, penyesuaian gender, I'rab, pengaruh dengan bahasa ibunda dan sebagainya menurut Noor Anida (2014). Kesalahan nahu seperti kesalahan dalam penggunaan gender *muzakkar dan muannath*, kata ganti nama diri (*dhomir*), Kesalahan Frasa (*idafat* dan *sifat*), dan kesalahan penggunaan kosa kata dalam pembinaan ayat bahasa Arab juga dilakukan oleh pelajar menurut Mohamad Rofian (2014). Kajian lain juga menunjukkan tahap pelajar lepasan SPM menulis ayat pada tahap mereka adalah lemah (Rosni Samah : 2012).

Kajian Rosni (2013) mendapati bahawa kesalahan sintaksis sebagai kesalahan yang paling banyak dilakukan ketika menulis penulisan ayat bahasa Arab. Menurut Rosni (2005) kesalahan sintaksis ini jelas dapat dilihat dalam meletakkan perkataan pada susunan yang betul. Beliau juga menjelaskan bahawa pelajar selalu melakukan kesalahan dalam memilih dan menulis perkataan yang betul. Dalam kajian yang lain Rosni (2013) menjelaskan bahawa pelajar juga selalu melakukan kesalahan morfologi dalam membezakan antara kata nama dan kata kerja, perbezaan antara pola-pola kata terbitan, perbezaan antara penambahan dan perbezaan antara singular (مفرد) dan plural (جمع) .

Punca atau faktor yang menyebabkan berlaku fenomena kelemahan pelajar dalam penulisan ayat bahasa Arab secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu faktor pelajar itu sendiri dan faktor guru. Menurut Ghazali Yusri (2006) faktor kelemahan pelajar menguasai tulisan Arab boleh dilihat dari dua dimensi iaitu pertama, faktor teknikal kaedah penulisan ayat itu sendiri dan kedua faktor sikap dan motivasi pelajar. Faktor pertama boleh diatasi dengan mengemukakan latihan-latihan yang bersesuaian dengan kesukaran yang dihadapi namun faktor kedua memerlukan



pendekatan yang lebih menyeluruh kerana ia menyentuh perkara asas dalam pembelajaran iaitu sikap dan motivasi.

Melalui pengalaman pengkaji selama lebih dari sepuluh tahun sebagai guru mata pelajaran Bahasa Arab, pengkaji mendapati kemahiran menulis ayat dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) masih rendah. Kelemahan ini jika tidak ditangani secara berkesan akan mendatangkan impak yang negatif terhadap pembelajaran di peringkat SPM, STPM dan STAM serta dalam kursus-kursus yang ditawarkan dalam di peringkat kolej atau universiti.

### **1.3 Objektif Kajian**

Secara keseluruhannya, kajian yang bakal dilaksanakan ini bertujuan untuk melihat penguasaan pelajar menengah atas di empat buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di negeri Johor terhadap bahasa Arab khususnya penguasaan terhadap *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*.

Manakala secara khususnya pula, objektif kajian ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- (i) Mengenalpasti tahap penguasaan pelajar terhadap *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*.
- (ii) Menentukan tahap faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan pelajar.
- (iii) Menentukan tahap strategi pembelajaran yang mempengaruhi penguasaan *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan pelajar.
- (iv) Meninjau pelaksanaan pengajaran *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan guru di SMKA.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Berteraskan kepada objektif kajian yang dijalankan, pengkaji berharap dapat menjawab persoalan-persoalan berikut:

- (i) Apakah tahap penguasaan pelajar terhadap *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*?
- (ii) Sejauh manakah tahap faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan pelajar?
- (iii) Sejauh manakah tahap strategi pembelajaran yang mempengaruhi penguasaan *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan pelajar?
- (iv) Bagaimanakah pelaksanaan pengajaran *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan guru di SMKA?

#### 1.5 Kepentingan Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap penguasaan para pelajar terhadap ilmu nahu bahasa Arab khususnya *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*. Kajian ini juga untuk menentukan tahap faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dan menentukan tahap strategi pembelajaran terhadap *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan pelajar dan kesannya terhadap penulisan pelajar pada kertas Bahasa Arab di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Adalah diharapkan bahawa kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan oleh sekolah-sekolah berkenaan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menguasai cabang ilmu nahu Arab ini. Dengan lahirnya kajian-kajian seperti ini, secara tidak langsung ia dapat membantu pihak sekolah khususnya dalam mempertingkatkan pencapaian para pelajar dalam Bahasa Arab (BA) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Selaras dengan itu juga, kajian yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat dan faedah kepada para guru yang mengajar Bahasa Arab (BA) dengan melihat kajian ini sebagai bentuk penilaian terhadap diri mereka. Dengan merujuk kepada analisis dan dapatan kajian, guru-guru boleh membuat perancangan dan melakukan pelbagai usaha yang bersesuaian ke arah mengekalkan reputasi mereka di samping mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, kajian ini kelak diharapkan dapat memberi menghasilkan model pengajaran guru yang dapat mempengaruhi penguasaan pelajar terhadap tajuk *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* di SMKA sekaligus mampu untuk membangkitkan semangat para pelajar agar cintakan bahasa jannah tersebut secara amnya dan khususnya keunikan ilmu sintaksis bahasa Arab.

## **1.6 Batasan dan Skop Kajian**

Kajian ini hanya difokuskan kepada tajuk *Jumlat Ismiyyat* dan komponennya serta *Jumlat Fi'liyyat* dan komponennya dalam kurikulum Bahasa Arab KBSM. Manakala responden kajian ini adalah pelajar-pelajar tingkatan empat di empat buah sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) negeri Johor. Pelajar ini dipilih kerana pelajar tingkatan empat telah melalui tempoh lebih daripada tiga tahun mempelajari Bahasa Arab. Pelajar-pelajar ini juga telah melalui proses pembelajaran kemahiran berbahasa iaitu mendengar, membaca, bercakap dan menulis.

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM : 2006), pelajar ini telah mempelajari pembentukan dan penulisan ayat bahasa Arab. Kaedah pembelajaran tatabahasa bahasa Arab di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memberi penekanan khusus kepada pembelajaran tatabahasa Arab. Pelajar-pelajar telah didedahkan dengan istilah-istilah tatabahasa, bahagian-bahagian ayat, kaedah dan keterangan mengenainya serta di dalam topik-topik khas berkaitan dengan *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*.

Kajian ini tertumpu kepada menentukan tahap faktor penguasaan pelajar SMKA terhadap *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*. Ianya juga ingin menentukan apakah tahap strategi pembelajaran pelajar terhadap *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* serta meninjau bagaimanakah pelaksanaan pengajaran *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan guru di SMKA.


## **1.7 Kerangka Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji membina kerangka kajian berdasarkan beberapa teori strategi pembelajaran bahasa (SPB), model pengajaran dan pendekatan pengajaran yang dipilih sebagai landasan teori kepada kajian ini. Strategi pembelajaran yang dipilih adalah strategi pembelajaran bahasa Oxford, Model Pengajaran Sim dan Model Pengajaran La Francios dengan pendekatan pengajaran induktif, deduktif dan eklektik.

### **1.7.1 Kerangka Teoritikal Kajian**

Beberapa model pengajaran dan teori pembelajaran bahasa diaplikasi dalam kajian ini. Teori-teori tersebut adalah teori strategi pembelajaran bahasa (SPB) Oxford, Model Pengajaran La Francios dan Model Pengajaran Sim dengan pendekatan pengajaran Induktif, Deduktif dan Eklektik serta disamping mengaplikasikan Taksonomi Bloom dalam pembinaan item ujian.

Oxford (1990), membahagikan strategi pembelajaran bahasa kepada dua pembahagian besar iaitu strategi secara langsung dan tidak langsung. Strategi secara langsung adalah strategi yang berkaitan dengan bagaimana pelajar mengendalikan pembelajaran bahasa sasaran yang mana ia termasuk penglibatan proses mental mengenai bahasa yang dipelajari. Strategi secara tidak langsung pula melibatkan pentadbiran pembelajaran secara keseluruhan dan lebih umum. Strategi-strategi ini dikatakan strategi tidak langsung dimana kaedah-kaedah yang digunakan dapat membantu mengendalikan proses pembelajaran. Rajah 1.1 menunjukkan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) Oxford (1990):




**Rajah 1.1** : Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford

Strategi secara langsung termasuklah apa yang diistilahkan oleh Oxford (1990) sebagai strategi memori, strategi kognitif dan strategi gantian. Strategi tidak langsung pula termasuklah strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial.

Namun pengkaji memilih strategi utama pembelajaran bahasa yang berperanan besar dalam mempercepat dan mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa iaitu strategi memori dan kognitif (Oxford 1990). Menurut Kamarul Shukri (2010) Oxford telah menjadikan strategi kognitif dan memori sebagai salah satu konstruk yang membentuk pengklasifikasian SPB. Ia merupakan strategi yang melibatkan proses kognitif di dalam pembelajaran bahasa seperti memahami, menyimpan, mendapatkan semula dan menggunakannya. Strategi memori adalah teknik-teknik yang digunakan untuk menyimpan, memperoleh semula, dan memindahkan maklumat daripada bentuk fakta kepada kemahiran. Strategi kognitif pula bertujuan memanipulasikan bahasa dan ia membolehkan pelajar memahami dan menghasilkan makna. Kajian mengenai penggunaan strategi memori dan kognitif adalah lebih banyak dilakukan didalam pembelajaran bahasa Inggeris. Jarang sekali maklumat mengenai penggunaan kedua-dua strategi tersebut oleh para pelajar bahasa Arab dapat dikongsikan. Oleh itu, kajian ini menekankan mengenai penggunaan strategi memori dan kognitif dalam pembelajaran bahasa Arab adalah wajar


dilakukan bagi mengumpul maklumat dan mengetahui pola penggunaan strategi-strategi pembelajaran untuk menguasai bahasa Arab.

Model Pengajaran Le Francois (1992) pula mentafsirkan pengajaran sebagai proses yang merangkumi tiga peringkat iaitu peringkat sebelum pengajaran, semasa pengajaran dan selepas pengajaran. Dalam peringkat sebelum pengajaran, guru seharusnya mengambil kira beberapa perkara iaitu menentukan objektif dan matlamat pengajaran, menentukan kesediaan pelajar, menentukan strategi pengajaran dan menilai semula. Peringkat kedua iaitu semasa pengajaran, guru hendaklah melaksanakan strategi dan prosedur pengajaran dengan baik dan berkesan. Manakala peringkat terakhir ialah peringkat selepas pengajaran, guru seharusnya menilai semula keberkesanan strategi pengajaran yang telah dilaksanakan. Dengan itu, guru dapat menentukan semula kesediaan pelajar dengan membuat pengubahsuaian atau penambahbaikan untuk pengajaran yang akan datang. Huraian Model Pengajaran La Francois adalah seperti rajah 1.2 di bawah:



**Rajah 1.2 :** Model Pengajaran Le Francois

Pengajaran Sim pula menjelaskan bahawa proses pengajaran melibatkan interaksi di antara beberapa komponen iaitu guru, murid, isi pelajaran dan juga objektif dalam sesuatu persekitaran tertentu. Keberkesanan pengajaran adalah bergantung kepada kebijaksanaan seseorang guru menentukan objektif dan isi pelajaran yang berkaitan dengan persekitarannya, serta kecekapan menggunakan teknik mengajar yang sesuai untuk melaksanakan proses pengajaran melalui interaksi di antara guru dan murid dengan isi pelajaran dalam persekitarannya. Interaksi komponen tersebut digambarkan dalam rajah 1.3:



**Rajah 1.3 : Model Pengajaran Sim**

Berdasarkan model ini, objektif pelajaran harus ditentukan secara eksplisit mengikut kebolehan murid-murid. Isi pelajaran pula dipilih berdasarkan objektif pelajaran yang dirancang secara sistematik mengikut kaedah yang sesuai. Model ini juga memberi penekanan kepada unsur-unsur persekitaran seperti keadaan bilik darjah yang kondusif sesuai dengan keadaan perkembangan intelek, emosi, rohani dan sosial murid-murid.

Kesimpulannya, dengan pertimbangan-pertimbangan tersebut, interaksi antara guru, pelajar, objektif, isi pelajaran dan persekitaran dapat diwujudkan dengan berkesan. Seterusnya, keberkesanan proses pengajaran akan dapat dicapai ke tahap yang optimum (Mok Soon Sang, 1997:22-24).

Pendekatan pembelajaran dalam konteks pendidikan Islam ialah cara bagaimana sesuatu mata pelajaran dapat diajar berdasarkan objektif yang hendak dicapai. Pendekatan ini biasanya berlandaskan model, prinsip atau teori pembelajaran tertentu (Azhar et.al 2012). Dalam pendidikan Islam, model-model pengajaran Rasulullah SAW serta ulama-ulama terkemuka seperti al-Ghazali, Imam As-Shafei dan Ibnu Khaldun dijadikan panduan dalam pengajaran dan pembelajaran. Teori yang diperkenalkan oleh ahli psikologi dan pendidikan Barat seperti Skinner, Maslow, Thorndike dan lain-lain juga digunakan sebagai salah satu pendekatan dalam proses pembelajaran. Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan perlu dirancang dengan menggunakan strategi pengajaran yang baik supaya objektif jangka panjang dan objektif jangka pendek yang diharapkan dapat dicapai. Antara pendekatan yang biasa digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang ada perkaitannya dalam pembelajaran bahasa Arab ialah:-

- (i) Pendekatan Induktif (*al-Tariqah al-Istiqraiyyah / al-Istinbatiyyah*).  
Kaedah ini bermaksud pengajaran disampaikan dengan memperkenalkan banyak contoh sebelum diterangkan kesimpulan, hukum atau peraturan (Fakhruddin, Amir, 2000:18 dan al-Şamayliy, 2002:125).
- (ii) Pendekatan deduktif (*al-Tariqah al-Qiyasiyyah*).  
Kaedah ini berlawanan dengan kaedah induktif. Pengajaran menggunakan kaedah deduktif ini ialah dengan memperkenalkan kesimpulan, hukum dan peraturan dahulu sebelum diberikan contoh-contoh yang berkenaan dengan isi pelajaran (Fakhruddin, Amir, 2000:19 dan al-Şamayliy, 2002:125).
- (iii) Pendekatan Eklektik (*al-tariqah al-Intiqaiyyah*).  
Kaedah ini adalah kaedah yang menggabungkan segala ciri yang baik dalam pengajaran bahasa yang terdapat dalam kaedah-kaedah lain. Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada guru bahasa menghasilkan satu strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih sesuai, berfaedah dan berkesan. Kaedah ini adalah hasil daripada proses ubah suai kaedah terus supaya keadaan yang tidak jelas dan tidak tepat dapat diatasi. Kaedah Eklektik mempunyai tujuan yang sama dengan kaedah terus iaitu membolehkan murid




menguasai keempat-empat kemahiran bahasa serta dapat menggunakan bahasa untuk berkomunikasi. Oleh itu, guru yang menggunakan kaedah ini, akan menggunakan teknik-teknik yang paling baik daripada kaedah bahasa untuk disesuaikan dengan kaedah di sekolah (Nik Hassan Basri, 2005:154)

Dalam kajian ini, pengkaji juga mengaplikasi analisis kesalahan bahasa mengkaji bahasa yang dilakukan oleh pelajar asing atau pelajar bahasa kedua, menguji secara empirical kesalahan-kesalahan yang wujud dalam bahasa sasaran yang dihasilkan oleh pelajar dan mencari penjelasan tentang punca-punca berlakunya kesalahan tersebut . Analisis ini merupakan satu kaedah atau teknik yang digunakan dalam sesuatu kajian bertujuan mengukur ataupun menilai tahap kemampuan seseorang atau sekumpulan pelajar terhadap bahasa asing yang dipelajarinya. Ia bertujuan mengesan aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa

### **1.7.2 Kerangka Konseptual Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji membina kerangka konseptual kajian berdasarkan beberapa model pengajaran yang dipilih sebagai landasan teori kepada kajian ini. Model tersebut ialah Model Pengajaran Sim dan Model Pengajaran La Francios dengan beberapa pendekatan pengajaran disamping teori strategi pembelajaran Oxford. Berdasarkan kepada model-model tersebut dan teori strategi pembelajaran bahasa Oxford, pengkaji membina kerangka konseptual kajian seperti dalam rajah 1.5 berikut:



**Rajah 1.4 : Kerangka Koseptual Kajian**

Sumber: Ubah suai daripada Oxford, Le Francois dan Sim

Maka kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini ialah meninjau sejauh mana penguasaan *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan pelajar SMKA dengan melihat dari sudut faktor-faktor yang mempengaruhi, strategi pembelajaran serta kaedah dan pendekatan pengajaran guru. Ia dilaksanakan melalui soalan soal selidik, ujian bertulis dan temu bual. Penguasaan sesuatu pembelajaran pastinya dipengaruhi dengan beberapa faktor dan strategi pembelajaran pelajar serta kaedah pengajaran guru yang saling berkait antara satu sama lain dan melalui komponen ini bagi meningkatkan penguasaan pelajar terhadap *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*.

## 1.8 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, terdapat kata ataupun istilah yang perlu dijelaskan bagi memberi kefahaman mendalam kepada pembaca terhadap kajian ini:

**”Penguasaan *Jumlat Ismiyyat* Dan *Jumlat Fi'liyyat* Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama”**

### 1.8.1 Penguasaan

Penguasaan Menurut Torshen (1997), penguasaan ialah pemerolehan tahap prestasi yang mencukupi. *Concise Oxford English-Arabic Dictionary* mendefinisikan penguasaan sebagai pemerolehan yang secukupnya bagi sesuatu subjek dengan menggunakan satu instrumen. Manakala Kamus Dewan (2010), mendefinisikan penguasaan sebagai perihal menguasai atau menguasai. Berdasarkan kepada definisi yang telah dinyatakan, penguasaan mempunyai kaitan rapat dengan kebolehan individu dalam sesuatu perkara.

Maksud penguasaan yang difokuskan di dalam kajian ini ialah pemerolehan secukupnya memahami struktur ayat bagi menulis ayat oleh pelajar-pelajar dalam bahasa Arab. Jadi, dalam kajian ini penguasaan yang dimaksudkan adalah kebolehan atau perihal menguasai *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan pelajar mengikut sukatan yang dilaksanakan secara rasmi dalam bilik darjah. Sukatan yang dimaksudkan ialah sukatan pembelajaran bahasa Arab tingkatan satu hingga empat yang telah dikeluarkan oleh pihak KPM.

### 1.8.2 *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*

Menurut As-Syeikh Mustafa Ghilayiniy (1998 : 12) dalam bukunya *Jami' al-Durus al-Arabiyyat* mendefinasikan ayat seperti berikut:

تسمى جملة اسمية كل جملة تتركب من مبتدأ وخبر

Setiap ayat yang tersusun dari *mubtada'* dan *khavar Jumlat Ismiyyat* (ayat frasa kata nama) Selain itu *Jumlat Ismiyyat* merupakan susunan *kalimat* yang didahului dengan *Isim* (kata nama).

*Ibn Hisyam* (wafat 761H) menentukan ayat dengan merujuk kepada permulaannya. Beliau mendefinisikan *Jumlat Fi'liyyat* sebagai ayat yang dimulakan dengan kata kerja. Contohnya:

- (i) قَامَ زَيْدٌ (Zaid sudah berdiri)
- (ii) ضُرِبَ اللِّصُّ (pencuri itu dipukul)
- (iii) ظَنَنْتُهُ قَائِمًا (saya sangkakannya berdiri)
- (iv) يَتَقَوَّمُ زَيْدٌ (Zaid sedang berdiri)
- (v) فُئِمٌ (sila berdiri)

Kesemua contoh di atas dimulakan dengan kata kerja iaitu قام (berdiri), ضُرب (dipukul), ظَنَنْتُهُ ( saya sangkakan), يَتَقَوَّمُ (berdiri), فُئِمٌ (berdirilah). Oleh itu kesemuanya tergolong dalam *Jumlat Fi'liyyat* .

Berdasarkan kepada definisi yang dinyatakan oleh sarjana tersebut, *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Ismiyyat* yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah tahap penguasaan antara kedua-kedua struktur ayat tersebut dan menggunakannya dalam penulisan mereka.

### 1.8.3 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (2010), pelajar didefinisikan sebagai orang yang belajar (seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya). Manakala menengah adalah sekolah peringkat menengah yang penuntut-penuntutnya berumur antara 13 tahun hingga 19 tahun (selepas pendidikan awal di sekolah rendah). Pelajar yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah pelajar menengah atas dari SMKA. Pelajar yang dimaksudkan di sini iaitu pelajar tingkatan empat yang dipilih sebagai responden. Pemilihan pelajar ini kerana mereka berada di menengah atas dan telah melalui proses pembelajaran bahasa Arab selama tiga tahun. Berdasarkan sukatan pelajaran, peringkat menengah atas memberikan penekanan kepada topik-topik tatabahasa bahasa Arab khususnya penggunaan *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Ismiyyat* .

#### **1.8.4 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)**

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama bermakna institusi pendidikan bantuan penuh kerajaan yang dikawal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang menawarkan pendidikan menengah (dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5).

Antara matlamat penubuhan SMKA ialah untuk mendidik pelajar dengan keperibadian Islam, membekalkan ilmu yang memenuhi tuntutan duniawi dan ukhrawi, memperkembangkan potensi pelajar dari segi minat, kreativiti, sahsiah dan kepimpinan dan memberi peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang ilmu dalam dan luar negara.

Keistimewaan SMKA adalah ke arah mengamalkan budaya hidup Islam dan meluaskan lagi peluang untuk melanjutkan pelajaran serta penguasaan Bahasa Arab, jawi dan Kemahiran Al-Quran. Selain itu berpotensi menjadi tenaga pakar yang faham Islam dan dapat mahir pendakwah yang berhikmah dan bertanggungjawab. Oleh kerana di antara keistimewaan SMKA adalah berkaitan dengan penguasaan bahasa Arab, maka kajian penguasaan *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* terhadap pelajar di SMKA perlu bagi memastikan keistimewaan tersebut dapat direalisasikan.

### **1.9 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan asas-asas penting mengapa kajian mengenai ayat ini dilakukan. Beberapa alasan telah dikemukakan kenapa kajian ini perlu dilakukan dan kepentingannya kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan struktur ayat bahasa Arab, strategi pembelajaran pelajar dan kaedah serta pendekatan pengajaran guru perlu dilihat secara menyelidikan untuk mencari punca yang telah melahirkan situasi dan tahap semasa penguasaan *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat* dalam kalangan pelajar SMKA.

Dapatan kajian menjelaskan situasi sebenar penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab terutamanya kemahiran menulis ayat iaitu *Jumlat Ismiyyat* dan *Jumlat Fi'liyyat*. Semoga ianya dapat mencetuskan idea-idea baru kepada semua pihak yang terlibat dalam memilih dan menentukan keperluan serta pendekatan terbaik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang akan mempermudah pelajar memahami ayat bahasa Arab seterusnya menguasai bahasa Arab itu sendiri.

## RUJUKAN

- ‘Abbas Hasan, (1975), *Al-Nahw Al-Wafiy*, Dar Al-Ma’arif Misr.
- ‘Abd. Ar-Rahman dan Farah Muhammad , (1997). *Al-Jumlat al-Basitat wa Tadrisuha li-an-Natigina bi-al-Lughatil Ukhra*. Tesis. International Islamic University.
- ‘Abduh Al-Rajihy (1988), *Durus fi Syuruh al-Alfiyyat*, Iskandariah, Dar al-Ma’arif Al-Jami’ayyat.
- ‘Abduh Al-Rajihy (1998), *Al-Tatbiq Al-Nahw*. Dar Al-Nahdat Al-‘Arabiiyat
- ‘Abdul ‘Alim Ibrahim, (1968). *Al-Muwajjih Al-Fanni li-Mudarrisi Al-Lughat Al-Arabiyyat*. Dar Al-Ma’arif , Misr.
- ‘Abdul Ghaniy Ad-Dakur, (1986). *Mu’jam Al-Qawaid Al-Arabiyyat fi Al-Nahw wa At-Tasrif*. Dar A-Qalam, Dimasyq.
- Ab.Halim Mohamad dan Wan Mohammad Wan Sulong. (2006). *Antara Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian ke Atas Pelajar Sarjana Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Dlm.*Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-5*.Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 9-18.
- Abdul Hakim Abdullah. (1998). *Pengajaran Balaghah Peringkat STPM di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)*. *Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Vol.1 (1), 83-97.
- Abdul Raof Dalip. (1998). Teknik pengajaran dan pembelajaran agama Islam di sekolah menengah. Dlm. *Pendidikan di Malaysia*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abdullah Hassan. (1996). *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kilani Mohamed (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, Edisi Kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ali Al-Jarimi dan Mustafa Amin. *An-Nahw Al-Wadih*. Matba'ah Al-Ma'arif, Misr.
- Al-Khawliy, Muhammad Ali (1984), *Asalib Tadris Al-Lughat Al-'Arabiyyat*. Riyad.
- Al-Masri, Muhammad Abdul Ghaniy (1990). *Asalib At-Tadris Al-Lughah Al-Arabiyyah*. Amman : Maktabah Ar-Risalah.
- Al-Şamayliy, Yūsuf (2002). *al-Lughat al-,Arabiyyat wa Turuq Tadrisihā Nazariyyat wa Tatbiqihā*. Beirut: al-Maktabat al-,Asriyyat.
- Ames, C. (1992). Classroom Goals, Structures, and Student Motivation. *Journal of*
- Amil Badi' Ya'qub (1986), *Mausufat al-Nahw wal-Sarf wal-I'rab*, Beirut, Dar al-Ilm lil Malayin.
- Antuwan al-Dahdah (1990), *Mu'jam Qawa'id al-Arabiy al-Alamiyyat*, Beirut, Maktabat Lubnan.
- Asmah Haji Omar (1984), *Kaedah Pengajaran Bahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- As-Sayid Mustafa Asy-air. (1998-1999). *Kaedah pengajaran bahasa Arab yang berkesan kepada bangsa-bangsa asing: satu perbandingan antara kaedah-kaedah yang digunakan di Universiti Mesir, Universiti Arab Saudi dan Institut*



*Antarabangsa Bahasa Arab di Khouurtum*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia

Azhar Muhammad et.al (2012) *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)* 890-899, Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia.

Azharudin Bin Ahmad Zakaria (2005). *Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Rendah Agama : Satu Kajian Kes*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2009) *Dalil al-manhaj al-dirasi lil-lughah al-A'rabiah : al-manhaj al-mutakamil lil-madaris al-thanawiah lil-sanati al-rabi'ah fi al-madaris al- thanawiah*.

Bowring-Carr, C., & West-Burnh, J. (1999). *Belajar secara berkesan di sekolah*. Terjemahan Annuar Ayob (Edisi ke-6). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Che Radhiah Bte Mezah( 1995), *Kesilapan Bahasa Dalam Karangan Bahasa Arab di kalangan Pelajar Melayu*. Tesis-Universiti Malaya.

Che Radiah Mezah, & Norhayati Awang. (2007). *Panduan Menulis Kedudukan Hamzah Dalam Perkataan Arab*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Crandall, V.C., Katkovsky, W., dan Crandall, V. J. (1965). *Children's belief in their own control of reinforcements in intellectual-academic situations*. Child development 36: 91-109.

Dunkin, M. J., & Biddle, B. J. (1974). *The study of teaching*. New York, NY: Holt, Rinehart & Wisnton.  
*Educational Psychology*, Vol. 84(3), 261-271.

Fadhil Soleh As-Samra'iy. (2007). *Al-Jumlat Al-Arabiyyat wa Aqsamuha*, Dar Al-Fikr, Amman, Jordan.

- Fakhrudin „Amir (2000). *Turuq Tadris al-Khassat bi al-Lughat al-„Arabiyyat wa al-Tarbiyat al-Islamiyyat*.
- Fazidah Zawahir Ahmad. (1987). *Pengajaran bahasa Arab di Sekolah Agama di Terengganu: kajian khusus di SMA Sultan Ismail Dungun, Terengganu*. Tesis Sarjana . Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fuad Ni'mat, (1982). *Mulakhas Qawa'id Al-Lughat Al-Arabiyyat*. Cet 8. Dar Al-Ma'arif. Misr.
- Ghazali Yusri Abd. Rahman dan Ahmad bin Salleh (2006). *Kemahiran Menulis Tulisan Arab di Kalangan Pelajar-Pelajar UITM: Kelemahan dan Cara Mengatasinya*. UITM.
- Hamzah bin Hassan (1997), *Perbandingan Pengajaran bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi : Satu Kajian Kes di sekolah Menengah Arab*, Disertasi untuk melengkapi sarjana Pengajian Bahasa Moden, Universiti Malaya.
- Hanani Hasan.(2011). *Ma'rifah mufradaat fi maqalah islamiyyah lada talabah sanah dirasi 2010/2011*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hassan Syahatah, (1992). *Ta'lim Al-Lughat Al-'Arabiyyat Bayn An-Nazariyyat wa At-Tatbiq*. Ad-Dar Al-Misriyyat Al-Libnaniyyat.
- Hsiao, T. & Oxford, R. (2002). "Comparing theories of language learning strategies: A confirmatory factor analysis". *Modern Language Journal*, 86, 368-383.
- Husin Sulaiman Qurrah , t.t. *Dirasat Tahliyyah wa Mawaqif Tatbiqiyyah Fi Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah wa al-Din al-Islami*, Dar al-Ma'arif, Kaherah.

- Hussain Radhi Abdul Rahman . (2000). *Turuq Tadris Al-lughah Al-Arabiyyah Min Manzur Attarbawiy hadith*. Arab Saudi : Maktabah Al-Khubti al-Thaqafiyah.
- Ibnu Hisyam Al-Ansary (1992). *Mughni Al-Labib 'An Kutubi al-A'ribiyi*. Dar Al-Fikr, Beirut. Lebanon.
- Ibrahim Anis et al. *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Dar Ihya' At-Turath Al-'Arabiy. Beirut Lebanon.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia (2006), *Al-manhaj al-dirasi lil-lughah al-A'rabiah: al-manhaj al-mutakamil lil-madaris al-thanawiyah*.
- Kamarudin Hj. Hussin et. al. (1997), *Penguasaan Kemahiran Menulis*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Subang Jaya, Selangor.
- Kamarul Shukri et al. Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod (2008), *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Berdasarkan Tahap Pencapaian BA Komunikasi. Proceedings of 3rd International Language Learning Conference*.
- Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Nik Mohd Rahimi & Zamri Mahamod. (2009). *Strategi metafizik: kesinambungan penerokaan domain utama pembelajaran bahasa. GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 9(2), 1-13.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Zawawi Ismail & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2002). *Peranan persekitaran bahasa Arab terhadap kemahiran Bahasa Arab Komunikasi*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 1. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Zawawi Ismail, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2001). *Peranan persekitaran bahasa Arab terhadap bahasa Arab Komunikasi*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1) (hh. 254-263). Siri Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2010). *Kebolehbacaan buku teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat di SMKA*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011). *Kebolehbacaan buku teks bahasa arab tinggi berasaskan ujian klox dalam kalangan pelajar di SMKA*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(2), 53-66.
- Kamus Dewan Cet.3, Edisi Keempat (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Kaseh Abu Bakar, Nil Farakh Sulaiman & Zeti Akhtar Muhammad Rafaai. (2010). *Self-Determination Theory and Motivational Orientations of Arabic Learners: A Principal Component Analysis*. *Gema Online - Journal of Language Studies*. Vol. 10 (1), 71-86.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 -2015*. Putrajaya: KPM.
- Kerlinger, Fred N., (1973). *Foundations of Behavioral Research*, 2ed. Ney York University, Pen:Holt, Rinehart and Winston.
- Khazri Osman , Ku Siti Esah Ku Ibrahim (2012). *Analisa Kesalahan Pelajar Dalam Penulisan Bahasa Arab: Kajian Kursus Maharat Al-Kitabah*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12).
- Knowles, M. S. (1980) *The Modern Practice of Adult Education. Andragogy versus pedagogy*, Englewood Cliffs: Prentice Hall/Cambridge.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2012). *Format Pentaksiran Subjek Bahasa Arab SPM*. Kuala Lumpur. Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Lightbown, P.M. & Spada, N. (1999). *How Languages are Learned*. Oxford: Oxford University Press.

- Mahmud Husni Maghalisah (1997). *An-Nahw As-Syafiy*. Muassat Ar-Risalat, Beirut Lebanon
- Marjoribanks, K. (1988). Perceptions of family environments, educational and occupational outcomes: social-status differences. *Perceptual and Motor Skills* 66: 3-9.
- Misnan Jemali. (1999). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah Rendah di Negeri Perak*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Misyal Zakaria (1983). *Al-Ulsuniyyat al-Taulidiyyat wal-Tahwiliyyat wa Qawa'id al-Lughat al-'Arabiyyat*, Beirut.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Malaysia: UTM.
- Mohamad Rofian b Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Dr. Khairatul Akmar Abdul Latif, Nor Effendy Ahmad Sokri (2014) *Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. 295-310.
- Mohd Hairudin Amin, Kamarul Azmi Jasmi. (2011). *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak*. UTM
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cet.5. Pen: Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Mohd Marwan bin Ismail. (2007). Laporan Penyelidikan , Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Tinggi: Kajian di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor. USIM.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Nawi Ab Rahman. (2000), *Teras Penyelidikan*, Penerbit Universiti PutraMalaysia, Serdang.

Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. (2006). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Sharani Ahmad (2006) *Psikologi kanak-kanak*, Batu Caves : PTS Professional

Mohd Sharani Ahmad, Zainal Madon dan Mohamad Ibrani Shahrinin Adam Assim (2003). *Psikologi Pembangunan Manusia*. Universiti Putra Malaysia.

Mohd. Aderi Che Noh. (2008). *Hubungan antara amalan pengajaran guru dengan pencapaian pelajar tingkatan dua di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.

Mok Soon Sang (1992).*Pedagogi 1, Pengenalan kepada Pedagogi*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Mok Soon Sang (1990). *Pedagogi, Satu Pendekatan Bersepadu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang (1993). *Asas Pedagogi dalam Pengajaran-Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Mok Soon Sang (1994). *Penilaian, Pemulihan dan Pengayaan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Mok Soon Sang (1997). *Pedagogi 2, Pelaksanaan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Mok Soon Sang (2000). *Pedagogi II: Perlaksanaan Pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti.

Mok Soon Sang (2003). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI.(Komponen 1&2)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

- Mok, S. S. (2012). *Prinsip teras pengajaran & pembelajaran 1*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Moos, R. H. & Moos, B. S. (1993). *Family environment scale manual*. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press, Inc. (second edition; tenth printing).
- Mowafak Abdullah, Raja Mohd Fauzi & Mohamed Amin Embi. (1999). *The acquisition of Arabic reading skills among religious school student: A pilot study*. Jurnal Pendidikan. Penerbit UKM.
- Muhammad Muhyiddin ‘Abdul Hamid (1964). *Syarh Ibn ‘Aqil*, Dar a-Lughat.
- Muhammad ‘Id (1990), *Al-Nahw Al-Musaffiy*, Kaherah, Maktabat al-Syabab.
- Muhammad Ali Al-Khawliy (1984), *Asalib Tadrīs Al-Lughat Al-‘Arabiyyat*. Riyad.
- Muhammad bin Idris (1996). *Analisis Sistem I’rab dalam Bahasa Arab*, Disertasi untuk melengkapi Sarjana Pengajian bahasa Moden, Universiti Malaya.
- Muhammad Salahuddin Ali Mujawwir (1983). *Tadrīs Al-Lughah Al-Arabiyyah lil Marhalah Ibtidaiyyah*. Darul Qalam : Kuwait.
- Munir Al-Ba’albaki (1992). *Al-Mawrid*, Dar El-Ilm Lil –Malayen, Beirut, Lebanon.
- Mustafa al-Ghalayini (1984), *Jami’ al-Durus al-Arabiyyat*, alMaktabat al- Asriyyat, Beirut.
- N.S.Doniach. (1982). *The Concise Oxford English-Arabic Dictionary Of Curret Usage*. Oxford Universiti Press.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2009). *TEORI BAHASA Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.

- Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Zamri Mahamod dan Kamarulzaman Ab. Ghani. (2008). *Motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa arab dan hubungannya dengan pencapaian pelajar. Jurnal Pendidikan, 33, 3-18.*
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Kamarulzaman Abdul Ghani dan Muawfak AbdellaAhmed al-Khusairi (1999), *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (1999). *Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi: Satu kajian tentang pelaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad Ke- 21. Prosiding Seminar Isu-isu Pendidikan Negara, Fakulti Pendidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2000). *Tahap kemahiran bertutur bahasa arab antara jantina, latar belakang keluarga, tahap minat dan pencapaian dalam peperiksaan. Jurnal Pendidikan, 24, 141-154.*
- Nik Mohd Rahimi, Nurulasyikin Muda, Zamri Mahamod & Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Relationship Between Arabic Listening Skills and Motivation*. International Journal of Learning. Vol. 16 (5), 139-150.
- Noor Anida binti Awang, Norhayati binti Che Hat, Nurazan binti Mohmad Rouyan (2014), *Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Unisza*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. ©Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA• ISBN 978-967-5478-78-9.
- O'Malley, J. M. & Chamot, A. U. (1990). *Learning strategies in second language acquisition*. New York: Cambridge University Press.
- O'Malley, J.M. (1985). "Learning strategies used by beginning and intermediate ESL Students". *Language Learning* 35: 21-46



- O'Malley, J.M. (1987). *The effects of training in the use of learning strategies on acquiring English as a second language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Osman Khalid. (1990). *Ta'lim al-lughah al-arabiyyah fi jamiah al-mahalliyyah: Qadiyyah al-jamiah al-wataniyyah*. Kertas Kerja Seminar Peningkatan Pengajaran Bahasa Arab. Universiti Islam Antarabangsa. Kuala Lumpur, 25-28 Ogos.
- Osman Khalid. (1993). *Pengajian Bahasa Arab di sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia*. dalam Ismail Ab Rahman, Abd Aziz @ Ahmad dan Mohd Yasin Muda (pnyt). *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia : Cabaran dan Harapan*. Kuala Terengganu: Penerbit Kolej Agama Sultan Zainal Abidin. Hlm. 210-217.
- Oxford, R. L. (1990). *Language Learning Strategies: What every teacher should know*. New York: Heinle & Heinle Publishers.
- Oxford, R. L. and Shearin, J. (1994). *Language learning motivation: Expanding the theoretical framework*. *The Modern Language Journal*. Vol. 78, 12-28.
- Oxford, R.L & Crookall, M.E. (1989). *Language learning strategies: methods, finding, and Instructional implications*. *The Modern Language Journal* 73 (4): 404-419.
- Oxford, R.L. (1989). "Use of Language learning strategies: a synthesis of studies with implications for strategy training". *System* 17 (2), pp. 235-247.
- Quek Miow Leng. (2006) *Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya dengan Pencapaian Matematik di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Daerah Batu Pahat, Johor*. Tesis PhD. Univesiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Robert Glaser, Ed., Wiley, New York, (1962), *Science editions paperback* (original copyright 1962, by University of Pittsburgh Press)

- Rohana Yusof. (2003) *Penyelidikan Sains Sosial*. PTS Media Group Sdn Bhd © 2015. Selangor.
- Roselan Baki (2003). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma
- Rosni bin Samah. (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah (2008), *Pendekatan Pengajaran & Pembelajaran Subjek Nahu di Peringkat STAM dan Tahap Penguasaan Pelajar : Kajian di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri*. Laporan Penyelidikan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Univeristi Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah (2012), *Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama*. GEMA Online™ Journal of Language Studies, Volume 12(2), May 2012.555.
- Rosni Samah (2012), *Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama*. GEMA Online™ Journal of Language Studies, Volume 12(2), May 2012.555.
- Rosni Samah. (2006). *Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua Melalui Pendekatan Kosa Kata Dan Bina Ayat*. Prosiding Seminar Pendidikan Islam & Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Rusydi Ahmad Ta'imah (1989), *Ta'lim al-'Arabiyyat Lighair al-Natiqin Biha Manahijuhu Wa Asalibuhu*, ISESCO, Rabat.
- Samarudin Rejab, Nazri Abdullah. (1993), *Panduan Menulis Tesis*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Sazali (2003) dalam Abdul Rahim Hamdan, Sarah Liyana Ab Latif (2011), *Kesediaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang*.
- Shamsina Shamsuddin. (2006). *Persepsi ibu bapa terhadap kepentingan pengajaran bahasa Arab dalam pendidikan awal kanak-kanak*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Mohd Nawawi. (2005). *Perbandingan Pencapaian dan Sikap Pelajar dengan Tahap Pengetahuan Sedia Ada dalam Kajian Rekaan Seni Visual*. Tesis Sarjana, tidak diterbitkan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Sukainah Che Mat & Melor Md. Yunus. (2014). *Attitudes and Motivation Towards Learning English Among FELDA School Students*. Australian Journal of Basic and Applied Sciences. Vol 8 (5). 1-8.
- Sofian Muhammad dan Zainal Abidin Abd. Kadir. (1986). *Ke arah Sistem Pengajaran Bahasa Arab*. Dlm. Mahayuddin Hj. Yahya (pnyt.) *Islam dan Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 76-85.
- Sulaiman Masri. (2003), *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., Kuala Lumpur.
- Syed Arabi Idid. (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Torshen, K.M (1997). *The Mastery approach to competence-based education*. New York : Academic Press.
- Walid Ahmad Jabir (2002). *Tadris Al-Luhgah Al-Arabiyyah. Mafahim Nazariyyah wa Tatbiqaat Amaliyyah*. Amman. Darul Fikr Littiba'ah Wan Nasyr wat Tauzi'.
- Wan Azura Wan Ahmad et. Al (2006). *Pendekatan Efektif dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Negeri Sembilan : USIM.

Zainol Abidin bin Ahmad (2003). *Kemahiran Menulis Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu : Satu Kajian Kes*. Disertasi untuk melengkap sarjana Pengajian Bahasa Moden, Universiti Malaya.

Zamri Ariffin, Ezad Azraai Jamsari, Khaulah Riddzwan, Muhamad Ridzuan Abdul Latif & Zulazhan Ab Halim. (2014). *Attitudes of Distance Learning Students at UKM's Faculty of Islamic Studies Towards Learning Arabic Language Skill Courses*. Turkish Online Journal of Distance Education. Vol 15 (1). 174-188.

Zamri Mahamod. (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zawawi Ismail. (2011). *Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa arab di SMKA di Malaysia*. GEMA Online™ Journal of Language Studies, 11(2), 67-83.